

Memastikan food bank lebih mantap, berkesan

Syabas kita ucapkan kepada Yayasan Food Bank Malaysia yang kini sudah membantu 480,000 isi rumah dan 12,000 pelajar di 21 universiti awam (UA) daripada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40). Besar jumlahnya mengingatkan ia baru berusia setahun jagung, tambah lagi ia bakal bercambah melalui projek khas, Projek Harapan Kasih Food Bank di Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta institusi pendidikan.

Kita berharap lebih banyak syarikat menjadi penyumbang menambah bekalan yang dapat disimpan di Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Makanan (PPPM). Sudah tentu, ia memerlukan lebih banyak pembabitian pihak swasta apabila dibuka di lebih banyak tempat, selain Kajang dan Kulim. Namun, biarlah barang yang diberikan bermutu dan berkhasiat, serta lebih penting bukan daripada jenis yang cepat rosak.

Bagi mengatasi masalah penerimaan barang dan penentuan kelompok sasaran, kita berharap yayasan mewujudkan pangkalan data dengan menggunakan big data seperti bank makanan dan pusat agihannya di negara maju. Malah, ia dapat membantu agensi lain untuk menyalurkan bantuan seperti pusat zakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.